



MENGAKHIRI KERAHSIAAN UNTUK MENAMATKAN ISU PEMBEBASAN DARI HUKUMAN: MENGESAN PENGAUT UNTUNG DAN FAEDAH-FAEDAH (BENEFISIAL)

Pendedahan terhadap siapa yang mendapat faedah daripada syarikat-syarikat merupakan langkah utama dalam menghentikan rasuah. Maklumat tersebut dapat mengelakkan syarikat daripada menjadi tempat yang selamat untuk menyembunyikan hasil rasuah dan akhirnya dapat membantu pihak tertentu untuk mendedahkan jejak wang di belakangnya.

Salah satu kelemahan utama dalam usaha untuk menangani pelaburan wang haram adalah undang-undang semasa tidak menyatakan secara terperinci bagi mereka yang telah membentuk sebuah syarikat untuk melaporkan siapa yang mengawal syarikat tersebut pada akhirnya.

“Syarikat pelindung”, bidang kuasa kerahsiaan dan struktur pemilikan korporat yang tidak telus mewakili kaedah utama yang digunakan oleh individu untuk menyembunyikan hasil rasuah dandana haram dengan pantas. Struktur korporat yang kompleks merentasi pelbagai negara amat mudah untuk ditubuhkan dan ianya memberikan individu pelaku rasuah suatu cara yang berkesan untuk melaburkan sejumlah dana haram yang banyak.

Pelaburan wang haram bukan sahaja merupakan jenayah tetapi ia melibatkan kos yang besar di kedua-dua negara maju dan membangun. Menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, pelaburan wang haram di seluruh dunia boleh mencapai AS \$ 2 trilion setahun. Anggaran menunjukkan bahawa separuh daripada jumlah ini datangnya dari negara-negara membangun, angka ini melebihi gandaan tujuh kali jumlah dana yang diterima daripada bantuan antarabangsa.

Transparency International menggesa pengwujudan senarai maklumat pemilikan yang boleh diakses umum dalam usaha untuk membentaras kitaran bebas dari hukuman yang kini berlaku dibawah pemilikan yang tidak jelas. Pegenalpastian identiti individu yang mengawal syarikat dan keuntungan akan meningkatkan ketelusan kewangan dan membantu untuk menghentikan rasuah.

ISU

Mengenalpasti Kelemahan

Penggunaan kaedah korporat sebagai cara untuk melindungi aktiviti rasuah contohnya "syarikat pelindung", pemegang amanah dan yayasan adalah keadah utama yang digunakan untuk menyembunyikan hasil rasuah, mengelak cukai dan jenayah lain. Dalam satu kajian yang melibatkan 213 kes rasuah besar sejak 30 tahun yang lalu, Bank Dunia mendapati bahawa dalam lebih daripada 70 peratus kes, pemilik dana haram menyembunyikan melalui penyalahgunaan entiti korporat, sebahagian daripadanya adalah "syarikat pelindung".

Sebahagian besar dana dilaburkan secara haram dengan berleluasa kerana kekurangan maklumat mengenai siapa yang akhirnya memiliki dan mengawal struktur undang-undang ini: pemilik berfaedah. Identiti mereka boleh dikaburi dengan mudah, misalnya dengan menggabungkan satu atau lebih daripada syarikat dalam bidang kuasa kerahsiaan - sama ada ianya di Kepulauan Cayman atau negeri Delaware di Amerika Syarikat - atau dengan menggunakan "pencalonan" (lihat bar sisi). Maklumat awam

PEMILIK BENEFISIAL VS PENCALONAN

Seorang pemilik berfaedah adalah orang sebenar yang secara langsung atau tidak langsung akhirnya memiliki, mengawal atau mendapat manfaat daripada sesuatu syarikat amanah atau dana dan pendapatan yang dijana. Sama ada dia adalah pemilik sah bukan merupakan isu relevan, memandangkan pemilik berfaedah - walaupun namanya - merujuk kepada kawalan substantif, bukan pemilikan rasmi. Istilah ini digunakan untuk membezakan antara pemilik syarikat pencalonan, yang mungkin didaftarkan sebagai pemilik sah bagi aset itu tanpa apa-apa faedah. Calon boleh mengaburkan struktur syarikat sebenar dan pemilik. Calon profesional dibayar yuran untuk perkhidmatan mereka tetapi tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam urus niaga. Calon juga boleh menjadi ahli keluarga atau rakan.

mengenai pemilikan berfaedah adalah penting dalam memerangi jenayah kewangan kerana ia membantu memberi penerangan tentang struktur pemilikan sebenar syarikat-syarikat ini dan benefisiari utama mereka.

Walaupun terdapat pengukuhan piawaian anti pelaburan wang haram di peringkat global, seperti yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) dan Konvensyen Bangsa-Bangsa Bersatu Terhadap Rasuah (UNCAC), beberapa bidang kuasa memerlukan syarikat untuk melaporkan maklumat mengenai pemilikan benefisial kepada pihak berkuasa negara mereka. Selain itu, tiada negara yang membenarkan masyarakat umum mengakses maklumat ini secara percuma..

Walaupun terdapat cadangan dari FATF mengenai "ketelusan dan pemilikan benefisial terhadap undang-undang dan peraturan", pematuhan tetap berada pada tahap yang rendah dalam kalangan anggota OECD setakat ini.

Cara yang paling biasa bagi sesebuah negara untuk cuba melakukan kewajipannya terhadap pencegahan pelaburan wang haram diperingkat antarabangsa adalah dengan meminta bank-bank dan institusi kewangan lain untuk menjalankan usaha wajar atas pelanggan mereka sebelum melibatkan diri dengan sebarang hubungan perniagaan dengan mereka. Ini termasuk mengenal pasti pemilik faedah dan keuntungan. Walau bagaimanapun, pakar-pakar telah memerhatikan bahawa tahap pematuhan terhadap ketetapan tersebut masih amat rendah dan keberkesannya sangat terhad.

Prosedur usaha wajar adalah mudah untuk digunakan sebagai pemintas kerana institusi kewangan mungkin cuai atau tidak berupaya untuk melaksanakannya pada tahap kedalaman yang diperlukan. Sebagai contoh, Lembaga Perkhidmatan Kewangan UK melalui kajian pada tahun 2011 mendapati bahawa majoriti daripada bank British gagal untuk menjalankan pemeriksaan yang mencukupi terhadap dana yang mereka pindahkan.

Mengenalpasti Pemilik Keuntungan dan Faedah-faedah (Benefisial)

Terdapat pelbagai tatacara korporat, struktur undang-undang dan keadah pengawalan syarikat yang boleh dilaksanakan. Penjelasan diperlukan dalam mengenalpasti siapa yang akan mengawal dan mendapat manfaat daripada sebarang entiti undang-undang yang telah ditetapkan. Ini perlu bagi pihak berkuasa awam untuk menghasilkan suatu daftar awam dan institusi kewangan untuk melaksanakan sasaran prosedur usaha wajar.

Konsep pemilikan benefisial merujuk kepada kawalan "muktamad" bagi entiti undang-undang, bebas daripada struktur pemilikan rasmi. Kawalan itu hanya boleh dilakukan oleh orang tidak berkepentingan (atau sekumpulan orang yang tidak berkepentingan),

walaupun identitinya tersembunyi di dalam skim pemilikan rumit. Ada kalanya, ia boleh menjadi sukar untuk mengenal pasti pemilik benefisial utama syarikat korporat memandangkan pengantara profesional boleh membantu untuk menyembunyikan identiti pemilik itu.

Biasanya, kawalan terhadap syarikat awam tersenarai dilaksanakan oleh para pemegang saham, lembaga pengarah atau pegawai eksekutif, walaupun struktur korporat dan pemilikan boleh diwujudkan sebegitu rupa supaya kuasa mutlak dilaksanakan oleh pemegang saham minoriti atau individu luar. Proses mengenalpasti pemilik benefisial dihalang oleh beberapa instrumen kewangan yang tidak telus, seperti saham pembawa, yang membolehkan individu untuk mengawal entiti tanpa sebarang pengenalan diri. Garis panduan antarabangsa - seperti yang dikemukakan oleh G20 dan FATF – telah mengambil langkah untuk mencegah penyalahgunaan mereka. Beberapa negara seperti Belgium telah menghentikan pembawa saham, manakala UK dalam perancangan untuk mengeluarkannya.

Semenjak pengiktirafan daripada G8, semakin banyak negara yang merancang untuk mewujudkan peraturan bagi menubuhkan daftar pemilikan benefisial. Kerajaan UK telah mengesahkan hasrat untuk mewujudkan daftar terbuka yang boleh diakses umum mengenai pemilikan berfaedah.

Rumah Putih (Amerika Syarikat) juga telah menaja satu cadangan perundangan yang memerlukan pihak berkuasa cukai untuk mengumpul maklumat mengenai pemilik benefisial mana-mana entiti undang-undang yang dianjurkan di mana-mana negeri. Walau bagaimanapun, maklumat hanya boleh

diakses oleh pegawai penguatkuasa undang-undang dan bukan orang awam. Ketika ini, syarikat pelaburan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa (SEC) diminta untuk mendedahkan "orang tengah" dalam percubaan untuk mengakses maklumat tersebut.

PEMEGANG AMANAH DAN RASUAH

Amanah - selepas syarikat – merupakan laluan kedua yang paling biasa untuk melabur dana haram. Walau bagaimanapun, menentukan pemilik benefisial amanah adalah rumit kerana bahawa kawalan peraturan undang-undang dan hak milik adalah berbeza. Bergantung kepada jenis amanah yang ditubuhkan, yang menubuhkan amanah, benefisiari dan pemegang amanah semua layak menjadi pemilik berfaedah. Berasaskan ciri unik ini, pengumpulan maklumat pemilikan berfaedah untuk amanah memerlukan pendekatan spesifik tetapi sejajar dengan yang digunakan untuk syarikat. Analisis tambahan diperlukan untuk mengenal pasti elemen-elemen yang perlu dimasukkan ke dalam domain awam dan dikawal selia. Rangka kerja yang boelh digunakan sebagai model sedia wujud. "Prinsip ketelusan dan peraturan undang-undang" oleh G8 memerlukan pemegang amanah untuk mengumpul pemilikan bermanfaat dan membolehkan ianya diakses kepada pihak berkuasa awam. Menurut cadangan FATF, kerajaan hendaklah membolehkan maklumat diakses oleh institusi kewangan dan penyedia perkhidmatan korporat. Draf arahan EU keempat terhadap pelaburan wang haram bercadang untuk mengambil langkah lanjut, yang memerlukan ahli-ahli EU untuk menyediakan maklumat ini dalam daftar awam.

Peraturan Anti-pelaburan wang haram, seperti arahan EU AML yang ketiga dan keempat atau Peraturan Pelaburan Wang Haram UK 2007, menerima pakai kriteria kuantitatif yang formal untuk mengenal pasti pemilik berfaedah. Ini memerlukan pegangan peratus saham minimum, menikmati hak mengundi yang mencukupi agar boleh mempengaruhi keputusan penting, atau dalam hal amanah mempunyai kawalan ke atas peratus atau keuntungan tertentu daripada harta itu. Walaupun kriteria seperti itu berjaya mengenal pasti pemilik benefisial dalam kebanyakan kes, pergantungan kepada pemilik rasmi mungkin gagal untuk memecahkan struktur kawalan rahsia atau tidak formal. Sementara pemilik benefisial bagi perniagaan yang sah tidak mempunyai sebab untuk mendapatkan anonimiti, palabur wang haram sering mengawal dari luar struktur syarikat, bergantung kepada pencalonan, sahabat karib dan ahli keluarga. Mengesan pemilik sebenar dalam keadaan ini memerlukan penyiasatan yang mantap, sumber dan akses kepada maklumat sulit.

Mengumpul maklumat mengenai pemilikan berfaedah

Walaupun kebanyakan negara bergantung kepada pihak yang menyediakan perkhidmatan dan institusi kewangan untuk mengumpul data tentang pemilikan benefisial, daftar awam syarikat kekal sebagai sumber utama maklumat kedua-dua untuk siasatan oleh pihak berkuasa negara dan untuk usaha wajar oleh institusi kewangan. Menambah maklumat mengenai pemilik benefisial kepada sistem laporan sedia ada akan merupakan pilihan yang paling cekap dan berkesan dari segi kos. Dua analisis kos dan faedah yang dijalankan oleh Suruhanjaya Eropah dan oleh Syarikat UK menunjukkan bahawa faedah mengumpul maklumat mengenai pemilikan berfaedah adalah pelbagai, sebagai pematuhan fiskal akan meningkatkan penguatkuasaan dan perbelanjaan kerajaan akan menurun.

Walaubagaimanapun sebarang jenis daftar syarikat akan mempunyai batasannya. Data, yang tidak dikemaskini, boleh menjadi kurang tepat, manakala maklumat yang diterima dengan niat baik seringkali tidak disahkan. Keprihatinan ini juga boleh digunapakai dalam pembentukan daftar awam mengenai pemilikan benefisial. Ianya boleh menjadi sumber yang berkesan untuk memerangi jenayah dan rasuah hanya jika sumber dan kepakaran yang mencukupi diperuntukkan untuk memastikan ketepatan mereka.

Memandangkan kesukaran dalam mengwujudkan identiti pemilik benefisial, pengantara kewangan dan bukan kewangan kekal sebagai pihak utama dalam pengumpulan maklumat mengenai pemilik benefisial. Tahap penglibatan mereka dalam operasi “harian” sebagai laluan korporat menjadikan mereka sumber pemberi maklumat mengenai bagaimana untuk mengetahui pengawal utama syarikat. Data yang mereka kumpul perlu diberikan kepada pihak berkuasa berkepentingan dan diperiksa (oleh

pengantara kewangan, pihak berkuasa asing, perniagaan dan organisasi masyarakat sivil, media dan lain-lain), terhadap maklumat yang terdapat dalam daftar awam, untuk menonjolkan percanggahan dan meningkatkan ketepatan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan kerjasama diantara institusi kewangan, peguam, akauntan dan penyedia perkhidmatan syarikat untuk susulan mengenai pelaksanaan pemantauan dan pelaporan, seperti yang termaktub dalam cadangan FATF 10, dan juga untuk menentukan secara kolektif tindakan bagi kegagalan untuk berbuat demikian. Dalam usaha untuk meningkatkan pematuhan, kerajaan yang belum berbuat demikian harus mempertimbangkan pelesenan rasmi pembekal perkhidmatan korporat, sebagai alat untuk memantau pencapaian mereka sebagai memenuhi tanggungjawab pencegahan pelaburan wang haram dengan lebih berkesan.

Membolehkan maklumat pemilikan diakses oleh masyarakat umum- bukan semata-mata untuk kegunaan pihak berkuasa penguatkuasa undang-undang - mempunyai beberapa kelebihan. Pertama sekali ia akan memberi manfaat kepada institusi kewangan dan penyedia syarikat perkhidmatan, kerana ia akan memudahkan mereka untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk mematuhi tugas usaha wajar secara berkesan. Kelebihan ini, bagaimanapun, tidak harus mengecualikan entiti daripada memenuhi kewajipan anti-pelaburan wang haram mereka. Maklumat yang terkandung dalam daftar pemilikan mestilah sentiasa disahkan agar ia memberi manfaat kepada lebih bermakna. Ini hanya akan berlaku jika ia digunakan untuk memudahkan dan bukannya menggantikan prosedur usaha wajar mandatori.

Kelebihan kedua ialah daftar awam akan banyak mengurangkan proses bantuan undang-undang bersama yang mahal dan kompleks, memudahkan pertukaran maklumat dari kedua-dua penghantar dan dari pihak penerima. Akses kepada maklumat mengenai pemilikan berfaedah juga akan memberi manfaat kepada komuniti perniagaan, bagi membolehkan mereka membuat keputusan pelaburan yang lebih baik tentang syarikat yang mereka berurusan. Akhir sekali, maklumat pemilikan berfaedah dalam domain awam akan meningkatkan kebertanggungjawaban awam syarikat dan pegawai awam, membantu masyarakat awam dan media untuk menilai struktur mereka.

PEMBEKAL PERKHIDMATAN

Pembekal perkhidmatan seperti peguam, notari dan akauntan memainkan peranan penting sebagai penjaga dalam menyediakan laluan korporat. Ianya boleh digunakan untuk melaksanakan urusan niaga dengan institusi kewangan atau menjalankan dan mengatur urusan bagi pihak pelanggan. Memandangkan risiko penglibatan yang tinggi dalam aktiviti pelaburan wang haram, profesion ini tidak boleh dikecualikan daripada tertakluk kepada peraturan-peraturan untuk institusi kewangan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa bidang kuasa, keperluan pencegahan pelaburan wang haram tidak diperlukan. Sebagai contoh, di Amerika Syarikat, profesion undang-undang dan pembekal perkhidmatan tidak tertakluk kepada keperluan

SARANAN

Kerajaan harus:

- Membolehkan akses secara bebas dan terbuka akan maklumat mengenai pemilikan benefisial syarikat dalam format yang boleh dibaca mesin. Sebagai langkah pertama ke arah penzahiran sepenuhnya, semua maklumat yang dikumpul perlu dikongsi dengan badan-badan penguatkuasaan undang-undang.
- Memperluaskan skop daftar syarikat awam untuk memasukkan maklumat mengenai pemilik benefisial.
- Memerlukan pemegang amanah untuk mengumpul maklumat mengenai benefisiari dan pentadbir amanah, untuk membolehkan maklumat diakses oleh pihak cukai dan penguatkuasa undang-undang dan melaporkan aktiviti yang mencurigakan.
- Memastikan maklumat yang terkandung dalam daftar awam mengenai pemilikan berfaedah adalah tepat dan terkini.
- Mewujudkan kewajipan undang-undang bagi syarikat untuk memberitahu pihak berkuasa perubahan dalam tempoh masa yang telah dipersetujui atau tertakluk kepada sekatan.
- Menetapkan agensi sedia ada dengan fungsi yang berkaitan (seperti pengawal selia sekuriti) untuk menyelia dan mengesahkan pendaftaran dan memanfaatkan kapasiti sedia ada.
- Libatkan syarikat amanah dan perkhidmatan pembekal kepada pelesenan rasmi.
- Menyokong usaha global seperti melalui G20 dan G8 untuk memastikan dan melaksanakan ketelusan syarikat dan peraturan undang-undang.
- Memerlukan, sebagai langkah sementara, semua syarikat yang mengambil bahagian dalam tender awam untuk mendedahkan pemilik berfaedah mereka, dan juga syarikat bersekutu serta syarikat induk.

Institusi Kewangan harus:

- Menjalankan prosedur usaha wajar terhadap pelanggan terpilih berdasarkan risiko, maklumat semakan dengan daftar awam mengenai pemilikan berfaedah untuk melengkapkan sumber maklumat yang lain.
- Memastikan penyiasatan secara menyeluruh terhadap semua butir-butir pemilikan syarikat sebelum bersetuju untuk menjalankan perniagaan dengan pelanggan.
- Memerlukan semua pelanggan untuk memberitahu pihak berkuasa yang berkaitan mengenai apa-apa perubahan kepada struktur korporat mereka sebelum pengubahsuaian.

- Memastikan semua laporan aktiviti yang mencurigakan menurut peraturan AML sedia ada.

Masyarakat Umum harus:

- Menekankan kepada Kerajaan dan syarikat untuk mengambil langkah bagi meningkatkan tahap pengawalseliaan dan pendedahan pemilikan berfaedah sebagai laluan korporat.
- Gunakan daftar syarikat awam untuk memastikan dan mengesahkan pemilik dan membantu untuk membasmi struktur rasuah.
- Menjalankan kajian tambahan mengenai amanah dan tahap pendedahan umum yang diperlukan untuk menutup pintu belakang kepada rasuah dan aliran haram.

KETELUSAN VS KEPERIBADIAN

Mengumpul maklumat peribadi untuk mengenal pasti pemilik benefisial boleh menimbulkan kebimbangan dari aspek keperibadian. Walau bagaimanapun, seperti yang dinyatakan dalam Konvensyen Eropah mengenai Hak Asasi Manusia (artikel 8), gangguan daripada pihak berkuasa negeri boleh dibenarkan jika termaktub dalam undang-undang dan perlu dalam kalangan masyarakat yang demokratik untuk mencegah jenayah dan menggalakkan kesejahteraan ekonomi negara. Apa yang diperlukan ialah pendaftaran orang ramai berkenaan hak milik bermanfaat dan ianya merangkumi: nama, tarikh lahir pemilik benefisial, alamat perniagaan, kewarganegaraan dan penerangan bagaimana pemilikan atau kawalan dilaksanakan. Pengumpulan maklumat ini pasti akan diluluskan oleh ujian perkadaran yang sering digunakan dalam undang-undang hak asasi manusia oleh kerana ianyatidak melanggar hak peribadi seseorang.